


LHANNAN
11 OKTOBER 2017

KARNIVAL



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Dr Mohd Ismail melawat gerai jualan pelajar selepas merasmikan Karnival Siswapreneur Megasales 2017 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

35 gerai pelajar sertai Siswapreneur Megasales 2017

Shah Alam: Sebanyak 35 gerai yang diruskan sendiri pelajar menyertai Siswapreneur Megasales 2017 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), di sini.

Karnival yang julung kali diadakan itu turut diadakan serentak di 33 politeknik lain seluruh negara. Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid, berkata karnival itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar, sekali gus mengangap pernuaan untuk menjadikannya lebih menarik pada masa akan

datang.

“Gerai diruskan pelajar dan ini secara tidak langsung memberi pendedahan berguna kepada mereka untuk aktif membabitkan diri dalam perniagaan sebagai sumber pendapatan sampingan.

Timba pengalaman

“Ia juga membuktikan pelajar ternantinanti ruang serta peluang untuk menimba pengalaman dalam bidang keusahawanan.

“Ini lah tujuan Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pen-

didikan Tinggi (KPT) iaitu mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar; di samping meningkatkan jalinan kerjasama pintar dengan agensi kerajaan dan swasta berkaitan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pembukaan Karnival Siswapreneur Megasales 2017, di sini, semalam.

Karnival itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abdul Aziz.